

RMKe-11 berbeza dengan Rancangan Lima Tahun sebelumnya

7

RMKe-11 telah disediakan dalam tempoh lebih 18 bulan dengan penglibatan semua pihak berkepentingan daripada pelbagai lapisan masyarakat. RMKe-11 merupakan rancangan terakhir untuk mencapai Wawasan 2020 dan menyediakan asas kepada pembangunan masa hadapan negara.

Mengutamakan tindakan:

RMKe-11 berfokuskan pelaksanaan dengan strategi, inisiatif dan outcome yang jelas. Rancangan ini akan mengubah dengan ketara cara kita bekerja dan mempercepat pembangunan negara. Apa-apa yang tidak berkesan akan dimansuhkan; apa-apa yang berimpak tinggi akan ditingkatkan dan dipercepat pelaksanaannya.

Berpaksikan rakyat:

RMKe-11 akan menambah baik akses kepada pendidikan, kesihatan dan perumahan untuk semua lapisan masyarakat di setiap pelosok negara, dan merapatkan jurang pendapatan untuk mewujudkan masyarakat yang lebih saksama.

Mengambil kira perspektif jangka panjang:

RMKe-11 bukan sekadar rancangan pembangunan lima tahun; malah menyediakan asas pembangunan pasca 2020. Perspektif ini berasaskan suara rakyat Malaysia, terutamanya golongan belia, iaitu pemimpin masa hadapan.

Rakyat Malaysia akan lebih produktif

8

Produktiviti adalah elemen penting dalam menjayakan pelaksanaan RMKe-11. Produktiviti merupakan asas kepada pertumbuhan sektor ekonomi, menjadi pemangkin kepada peningkatan kesaksamaan pendapatan serta meminimumkan impak ketidakstabilan ekonomi pada masa hadapan. Kerajaan dan pihak swasta akan melaksanakan inisiatif bagi memastikan produktiviti buruh meningkat daripada RM77,100 pada tahun 2015 kepada RM92,300 pada tahun 2020.

Produktiviti sektor swasta:

Jaguh produktiviti yang dilantik dalam kalangan industri akan menjadi peneraju inisiatif produktiviti pada peringkat industri. Kita akan memberikan insentif dan sokongan yang berasaskan prestasi kepada perusahaan yang berjaya mencapai sasaran produktiviti. Program pembangunan kapasiti dan keupayaan akan membantu perusahaan menambah baik proses kerja melalui penggunaan teknologi dan peningkatan kemahiran pekerja.

Produktiviti sektor awam:

Kita akan mengkaji semula dan memperkemas peraturan secara berkala untuk mengurangkan kerumitan dan kos menjalankan perniagaan di Malaysia. Penilaian bagi cadangan pelaburan projek baharu Kerajaan akan dibuat berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI) yang mengambil kira aspek produktiviti bagi memaksimumkan pulangan pelaburan.

Kita akan membina negara maju

9

Selaras dengan keperluan negara maju, cara kita belajar, berniaga dan menjalani kehidupan perlu berubah. Kita perlu memastikan kualiti tenaga kerja memenuhi permintaan industri, sumber pertumbuhan baharu dimanfaatkan sepenuhnya dan bandar menjadi hab kreativiti dan pertumbuhan ekonomi yang rancak.

Menjana kekayaan melalui inovasi:

Kita akan memperkukuh ekosistem inovasi melalui integrasi dan kolaborasi antara industri, akademik, masyarakat dan Kerajaan. Penyelidikan akan berpandukan keperluan industri dan masyarakat. Pembiayaan awam akan digunakan bagi merangsang pelaburan sektor swasta.

Membina bandar yang mampu bersaing pada peringkat global:

Kita akan meneruskan pembangunan di empat bandar utama, iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya huni. Penduduk akan mendapat manfaat daripada pembangunan perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki, kawasan lapang dan hijau, sistem pengangkutan awam yang mencukupi dan cekap serta peluang ekonomi daripada kewujudan kluster berasaskan pengetahuan.

Mengupayakan TVET yang diterajui industri:

60% daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 akan memerlukan kemahiran berkaitan TVET. Kita akan meningkatkan peranan industri merentasi rantai nilai, daripada pengambilan pelajar kepada pembangunan kurikulum, penyampaian dan penempatan pekerjaan bagi memastikan penawaran siswazah memenuhi permintaan industri.

Kita akan membangun secara mampan

10

Model pembangunan konvensional "grow first, clean up later" merupakan model pembangunan yang tidak mampan. Pertumbuhan hijau akan memastikan impak yang minimum terhadap alam sekitar dan pemuliharaan sumber asli. Kita akan membuat perubahan ketara kepada penentuan dasar, pengawalseliaan institusi, perkongsian tanggungjawab dan penilaian masyarakat ke atas alam sekitar.

Gaya hidup hijau:

Kita akan mengubah gaya hidup supaya lebih cekap tenaga. Isi rumah dan industri akan digalakkan untuk mengurangkan penggunaan tenaga pada waktu puncak melalui amalan permintaan pengurusan tenaga, seperti pelabelan tenaga. Rakyat akan mempunyai banyak pilihan pengangkutan awam yang lebih baik, selaras dengan peralihan kepada kenderaan cekap tenaga. Peraturan tenaga boleh baharu dalam campuran tenaga akan ditingkatkan.

Reduce, reuse, and recycle (3R):

Kita akan melihat sisa sebagai sumber yang bernilai. Isi rumah akan digalakkan untuk mengasingkan sisa bagi mencapai sasaran 22% kadar kitar semula menjelang tahun 2020, manakala sektor swasta akan digalakkan untuk menggunakan sisa sebagai input untuk penukaran tenaga atau produk lain.

Pembelajaran hijau:

Kita akan memupuk perkongsian tanggungjawab melalui pendidikan untuk memelihara alam sekitar. Amalan penggunaan dan pengeluaran mampan akan diintegrasikan dalam kurikulum sekolah untuk menyemai tingkah laku dan minda mesra alam.

Kita komited dalam mewujudkan sebuah masyarakat inklusif

11

Rakyat Malaysia seharusnya boleh menyertai dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara. Kita akan meningkatkan taraf isi rumah berpendapatan 40% terendah (isi rumah B40) ke arah masyarakat kelas menengah.

Kualiti hidup yang selesa untuk semua:

Kita akan memastikan isi rumah B40 memiliki rumah yang selesa melalui skim rumah mampu milik dan kadar faedah pinjaman istimewa. Kita akan memperluas pemantauan harga dan kedai barangan bersubsidi bagi membolehkan mereka mendapatkan keperluan asas, dan menambah baik akses kepada penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan awam.

Seorang graduan bagi setiap isi rumah:

Kita akan membantu pelajar di luar bandar dan pedalaman menamatkan pengajian pada peringkat pendidikan rendah dan menengah melalui penyediaan bantuan kewangan, pengangkutan dan asrama. Institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran juga akan digalakkan untuk menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar B40 melalui kriteria kemasukan khas dan kuota enrolmen.

Komuniti usahawan produktif:

Kita akan mempertingkatkan kedinamikan dan daya tahan Komuniti Ekonomi Bumiputera melalui pemilihan aset dan program keusahawanan. Latihan kemahiran tinggi dan program profesional bertauliah akan diperluas untuk meningkatkan penyertaan dalam jawatan profesional dan bergaji tinggi. Kita akan menyokong perusahaan komuniti berasaskan koperasi melalui insentif dana dan kemudahan, serta program kepimpinan dan pengurusan. Petani, nelayan, pekebun kecil dan isi rumah yang bekerja sendiri di luar bandar akan digalakkan untuk menggunakan teknologi bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan.



11 perkara yang patut anda tahu mengenai

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT



TEMA RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKE-11) ADALAH **Pertumbuhan berpaksikan rakyat**

Rancangan Malaysia Kesebelas memperkukuh komitmen Kerajaan kepada rakyat dan menegaskan pendirian bahawa pertumbuhan tidak boleh diukur melalui pencapaian ekonomi semata-mata. Komitmen untuk mencapai pertumbuhan mampan dan inklusif bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat merupakan kriteria penting sebuah negara maju.

Rakyat merupakan

tonggak negara: Masa hadapan semakin mencabar. Ketidaktentuan ekonomi dunia dan kepesatan kemajuan teknologi telah mengubah gaya hidup dan cara kita bekerja. Rakyat terus menjadi aset terpenting negara. Oleh itu, pelaburan untuk rakyat akan dapat meningkatkan daya tahan Malaysia.

Menyiapsiagakan rakyat untuk masa

hadapan: Negara memerlukan rakyat yang bersedia untuk menghadapi masa hadapan yang semakin berasaskan pengetahuan. Persediaan ini melibatkan pelaburan dalam pembangunan kemahiran dan bakat, peningkatan produktiviti dan inovasi.

Semua lapisan rakyat menikmati

kemajuan negara: Tiada rakyat Malaysia yang terpinggir. Bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati hasil pembangunan negara, RMKe-11 akan menangani isu yang berkait secara langsung dengan rakyat seperti pekerjaan, kesihatan, pendidikan, keselamatan, kemudahan pengangkutan awam, infrastruktur luar bandar dan kos sara hidup.



Kita akan mengukuhkan daya tahan ekonomi makro untuk meningkatkan pertumbuhan

Asas ekonomi kita perlu bersandarkan kepada kestabilan harga, produktiviti, dan paras tabungan yang tinggi. Matlamat kita bukan sahaja tertumpu kepada pertumbuhan KDNK, tetapi juga pencapaian pengagihan kekayaan yang saksama dan peningkatan tahap kesejahteraan.

Meningkatkan penggunaan dan pelaburan swasta:

Bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, sektor swasta akan menjadi peneraju utama inovasi dan produktiviti. Kita akan menggalakkan penggunaan dan pelaburan swasta merentasi semua sektor bagi memacu pertumbuhan ekonomi.

Pertumbuhan tahunan purata pelaburan swasta

Pertumbuhan tahunan purata penggunaan swasta

Purata pelaburan swasta pada harga semasa

5%-6%
KDNK setahun dalam tempoh 2016-2020

Menjana pertumbuhan baharu melalui peningkatan produktiviti dan pengetahuan:

Industri dan Kerajaan akan bekerjasama untuk meningkatkan produktiviti. Kita akan meningkatkan pertumbuhan perkhidmatan moden, beralih kepada produk yang bernilai tambah tinggi dalam sektor pembuatan, dan memodenkan sektor pertanian untuk menjana pekerjaan berkemahiran tinggi dan bergaji tinggi.

Produktiviti buruh pada tahun 2020 meningkat daripada RM77,100 pada tahun 2015

Nisbah pampasan pekerja kepada KDNK pada tahun 2020 meningkat daripada 34.9% pada tahun 2015

RM54,100
Pendapatan per kapita pada tahun 2020

Mengurus kewangan awam secara berhemat:

Pada tahun 2020, kita akan mencapai kedudukan fiskal yang berimbang dengan pelaksanaan perbelanjaan secara berhemat melalui belanjawan berasaskan outcome dan rasionalisasi subsidi.

Kedudukan fiskal dijangka berimbang pada tahun 2020

Hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK kurang daripada 45% pada tahun 2020

72%
Peningkatan pendapatan bulanan purata isi rumah daripada RM6,141 (2014) kepada RM10,540 (2020)

RMKe-11 mempunyai enam teras strategi bagi menangani semua keperluan rakyat




Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama

Inklusiviti memastikan rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi, dan kedudukan geografi. Inisiatif utama termasuk: **Memperkukuh isi rumah mudah terjejas:** Kita akan memberikan tumpuan kepada sokongan berasaskan outcome dan bantuan berasaskan produktiviti, merangkumi isi rumah berpendapatan 40% terendah. Langkah ini termasuk program keusahawanan, latihan kemahiran, penggunaan teknologi, pemilikan aset dan pelaburan dalam ketersambungan dan kemudahan asas. **Enam segmen sasaran:** Kita akan memperkukuh institusi keluarga dengan sistem sokongan bersepadu; melaksanakan program kepimpinan dan keusahawanan belia; meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja melalui aturan fleksibel; menambah baik penjagaan dan perlindungan kanak-kanak; menyokong penuaan aktif bagi warga emas; dan meningkatkan pekerjaan dan latihan kepada orang kurang upaya. **Pertumbuhan wilayah yang seimbang:** Kita akan mentransformasikan kawasan luar bandar dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan, menambah baik hubungan antara luar bandar dengan bandar, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas Kerajaan dan memperluas khidmat kewangan. Pemasatan pelaburan di lima koridor ekonomi wilayah akan memastikan pendapatan yang lebih tinggi bagi masyarakat tempatan. Di samping itu, Program Transformasi Ekonomi Sempadan menyasarkan pembangunan di wilayah sempadan.




Meningkatkan kesejahteraan rakyat

Visi Malaysia sebagai negara maju dari segi sosial adalah mempunyai individu sihat dan keluarga bahagia yang hidup dalam masyarakat yang erat dan bersatu daya. Inisiatif utama untuk mencapai visi ini termasuk: **Penjagaan sesuai, keadaan sesuai, masa sesuai:** Kita akan melabur dalam penjagaan kesihatan bergerak, perkhidmatan kecemasan bergerak, dan ambulans untuk membolehkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cepat kepada komuniti. Hospital akan mengguna pakai amalan pengurusan keajaian untuk meningkatkan keupayaan, mengurangkan masa menunggu dan menambah baik outcome pesakit. **Sebuah rumah untuk setiap isi rumah:** Sebanyak 606,000 unit rumah akan dibina untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Skim pembiayaan perumahan mampu milik akan dipertingkatkan, seperti Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia dan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta, Skim program rumah transit untuk belia bujang dan pasangan muda yang berkahwin. **Menjadikan masyarakat lebih selamat:** Kita akan mempergiat usaha pencegahan jenayah melalui *omnipresence*, Program Bandar Selamat dan kerjasama antara polis dengan masyarakat. Sistem maklumat bersepadu, iaitu C4i akan mengurangkan masa respons polis daripada 12 minit kepada lapan minit.



Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju

Pembangunan modal insan yang menumpukan kepada pembelajaran sejak lahir hingga ke akhir hayat akan meningkatkan produktiviti, menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan mencipta kitaran pewujudan pekerjaan berterusan serta menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pembangunan sosial. Inisiatif utama merangkumi: **Pasaran buruh yang memanfaatkan semua:** Kita akan mengutamakan pelaburan dalam aktiviti berintensifkan pengetahuan bagi menjana pekerjaan berkemahiran tinggi dan meningkatkan produktiviti buruh. Intervensi yang disasarkan untuk golongan belia dan wanita akan dapat menangani masalah pengangguran dan guna tenaga tidak penuh. **Pendidikan untuk siswazah abad ke-21:** Kita akan menyediakan siswazah untuk menghadapi masa hadapan yang dinamik melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran yang kritikal, serta memupuk etika dan akhlak, dari peringkat prasekolah hingga pendidikan tinggi. Pembelajaran akan disesuaikan mengikut keperluan individu melalui peluasan sumber dalam talian dan pembelajaran sepanjang hayat. **Gaji setimpal untuk semua:** Kita akan memperkenalkan Indeks Gaji Nasional dan memperluas Sistem Gaji Berasaskan Produktiviti bagi memastikan penetapan gaji yang adil dan telus berdasarkan kepada kelayakan, kemahiran dan produktiviti. Kita juga akan menguatkuasakan pematuhan kepada pelaksanaan gaji minimum bagi memastikan gaji yang lebih baik.




Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan

“Pertumbuhan hijau” akan menjadi gaya hidup yang dapat memperkukuh jaminan bekalan makanan, air dan tenaga, mengurangkan risiko terhadap alam sekitar, seterusnya meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup. Inisiatif utama termasuk: **Kurang tetapi cekap:** Kita akan memimpin melalui teladan dalam amalan kemampanan untuk industri. Bangunan Kerajaan akan diretrofit supaya cekap tenaga. Amalan perolehan hijau akan digalakkan untuk merangsang pasaran tempatan bagi produk dan perkhidmatan hijau. **Budaya pemuliharaan:** Kita akan memelihara biodiversiti negara dengan mempergiat penguatkuasaan terhadap pembersihan hutan secara haram, dan melaksanakan usaha penghutan semula dan pengkayaan hutan di kawasan hutan terosot. Kita akan melaksanakan usaha pemuliharaan dan melindungi populasi tumbuhan dan hidupan liar yang terancam bagi melindungi kekayaan biodiversiti negara. **Bina dengan lebih baik:** Kita akan memperkukuh pengurusan risiko bencana untuk mengurangkan kerentanan dan menyiapsiagakan rakyat bagi menghadapi bencana alam. Kita akan menambah baik sistem pengesanan dan amaran awal bencana, serta keupayaan pengurusan risiko bencana untuk meningkatkan kecekapan usaha penyaluran bantuan, respons dan pemulihan.



Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

Rakyat Malaysia akan mendapat akses kepada kemudahan asas dan dihubungkan melalui pengangkutan yang bersepadu serta Internet berkelajuan tinggi. Pelaburan baharu akan ditumpukan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan daya saing. Inisiatif utama termasuk: **Kemudahan asas untuk semua:** Menjelang tahun 2020, 99% penduduk akan mendapat bekalan air bersih dan terawat, 99% rumah di luar bandar akan mendapat bekalan elektrik dan 95% kawasan berpenduduk akan mempunyai akses kepada perkhidmatan jalur lebar pada harga lebih rendah. **Kesalinghubungan dalam kalangan rakyat:** Pelaburan akan ditumpukan kepada ketersambungan antara pelbagai mod pengangkutan, antara luar bandar dengan bandar, serta antara bandar. MRT Lembah Klang akan beroperasi, liputan perkhidmatan bas henti-henti akan diperluas dan rangkaian bas ekspres antara bandar akan diperkukuh. 3,000 km jalan luar bandar berturap akan dibina. **Ketersambungan merentasi wilayah:** Kita akan menaik taraf infrastruktur bagi fret dan logistik serta meningkatkan kapasiti pengendalian kontena untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan yang strategik di rantau ini. Fasilitasi perdagangan akan dipermudah melalui prosedur yang lebih ringkas, tanpa kertas dan mesra perniagaan.



Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

Kita akan memastikan pertumbuhan yang berkualiti dan daya saing antarabangsa meningkat. Semua sektor ekonomi akan beralih kepada aktiviti berintensif pengetahuan, bernilai tambah tinggi serta berproduktiviti tinggi. Inisiatif utama adalah seperti berikut: **Mentransformasi sektor perkhidmatan:** Kita akan mempercepat pertumbuhan sektor perkhidmatan dengan memberikan tumpuan kepada perkhidmatan moden seperti kewangan Islam, minyak dan gas, ICT, penjagaan kesihatan, pendidikan, perkhidmatan profesional, ekopelancongan dan industri halal. **Saiz kecil sumbangan besar:** Kita mengiktiraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia. Kita akan mempermudah prosedur untuk menubuhkan PKS, bekerjasama dengan PKS untuk meningkatkan produktiviti, memudahkan akses kepada pembiayaan dan mewujudkan jaguh kelahiran tempatan. PKS akan menyediakan 9.5 juta pekerjaan bandar berturap akan dibina. **Meningkatkan pengantarabangsaan:** Kita akan mempertingkatkan ekspor sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Sektor pembuatan akan beralih kepada produk yang lebih kompleks dan pelbagai, dengan menjadikan subsektor bahan kimia, elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan sebagai pemangkin. Tumpuan sektor pertanian akan diberikan kepada peningkatan teknologi moden, keupayaan agropreneur dan akses kepada pasaran.

Kita akan mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti

Kita komited mentransformasi perkhidmatan awam ke arah lebih berpaksikan rakyat, produktif dan cekap. Aspirasi Kerajaan adalah memastikan perkhidmatan awam mudah diakses, mempunyai bakat dalam pelbagai kemahiran, dan kurang hirarki, pemusatan serta kerenah birokrasi.

Bertumpukan rakyat: Kita akan mencipta perkhidmatan awam bersama rakyat menerusi platform *crowdsourcing* dan libat urus bagi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat. Pusat Transformasi Bandar dan Luar Bandar, Pusat Transformasi Komuniti Bergerak, dan model penyampaian alternatif akan menawarkan kebolehpasaran dan konsolidasi perkhidmatan dengan kepantasan bertindak menerusi pengintegrasian proses *back-end*.

Produktiviti dan kecekapan: Kita akan merasionalisasi institusi, suruhanjaya dan agensi bagi mengurangkan pertindanan dan mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih keajaian, dinamik dan responsif. Inisiatif ini termasuklah menambah baik pengurusan bakat, memperhebat pembangunan kapasiti, mewajarkan saiz perkhidmatan awam, memperkenalkan dasar pemisah bagi personel berprestasi rendah dan menjadikan indikator produktiviti sebahagian daripada KPI Kementerian dan pihak berkuasa tempatan.

Kerajaan digital: 77% perkhidmatan Kerajaan telah disediakan secara dalam talian dan lebih banyak akan disediakan menerusi platform *single sign-on*, dan mudah alih. Kita akan melancarkan Inisiatif Data Terbuka Kebangsaan bagi membolehkan maklum balas interaktif, penganalisan data yang telus dan inovasi terbuka kepada perniagaan dan individu.

Kita perlu melaksanakan usaha secara bersama untuk mencapai aspirasi negara

Dalam tempoh RMKe-11, kerjasama erat, ketekunan dan kesungguhan serta komitmen yang tinggi semua pihak berkepentingan adalah amat perlu. Kejayaan tidak hanya bergantung kepada Kerajaan dan perkhidmatan awam semata-mata, tetapi juga memerlukan penglibatan aktif pihak swasta, masyarakat sivil, komuniti setempat dan individu.

“Saya percaya bahawa kehebatan sebenar negara kita datangnya daripada semangat cekaik rakyat Malaysia, cita-cita dan nilai bersama dan bakat besar rakyat Malaysia. Saya menyeru semua rakyat untuk menyertai pusingan terakhir perjalanan bersejarah Malaysia untuk menjadi negara maju. Kita akan bersatu sebagai sebuah negara dan akan bersama-sama mencapai hasrat ini.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

KITA AKAN MEMBINA MALAYSIA Pasca 2020

Masa hadapan Malaysia pasca 2020 bergantung kepada bagaimana rakyat mengemudi era baharu ekonomi yang tidak menentu dan penuh cabaran. Namun ia pasti dapat diharungi dengan keyakinan dan aspirasi rakyat terutamanya golongan muda. Aspirasi masa hadapan ini disuarakan seperti berikut.

Malaysia akan...

Rakyat
... bersatu dalam kepelbagaian, memiliki identiti kebangsaan yang utuh dan berkongsi nilai yang sama.
... menjadi sebuah negara cemerlang seperti yang digambarkan melalui keprihatinan kita terhadap golongan kurang berkemampuan, mudah terjejas dan kurang upaya serta mereka yang memerlukan penjagaan khusus.
... dipimpin oleh pemimpin yang memiliki personaliti unggul yang dibentuk oleh sistem pendidikan holistik dan didorong oleh semangat sentiasa dahagakan ilmu.
... memainkan peranan penting di arena antarabangsa. Kita akan memiliki pemimpin yang inovatif dan sentiasa aktif serta mampu berhubung dan mempengaruhi perdebatan pada peringkat global.
... ditadbir oleh institusi eksekutif, perundangan dan kehakiman yang boleh dipercayai dan bebas serta memastikan hak rakyat dilindungi dan rakyat dilayan secara adil.
... dipimpin oleh Kerajaan yang memberikan perkhidmatan yang terbaik, diketuai oleh pemimpin yang berintegriti dan berpegang teguh kepada konsep amanah.

Ekonomi
... menjadi negara maju, progresif dan inklusif dari segi ekonomi serta memberikan impak kepada ekonomi dunia. Pembangunan negara kita tidak hanya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi dan kepenggunaan malah mengutamakan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Alam sekitar
... menjiwai alam sekitar. Kita akan menghargai, melindungi, memelihara dan berbangga dengan keunikan flora dan fauna yang dimiliki oleh negara. Kemampanan alam sekitar tidak dilihat sebagai galang ganti kepada ekonomi yang kukuh tetapi sebagai prasyarat untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.